

04/10/1998

Takwa asas bentuk moral tinggi

Veena Rusli

KOTA BHARU: Setiap pemimpin beragama Islam perlu menjadikan ketakwaan sebagai asas pembentukan moral yang tinggi selari tuntutan agama, kata Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Menurutnya, Islam sendiri mengajar umatnya agar mementingkan akhlak baik dalam semua kegiatan bagi menjamin kehidupan yang lebih sempurna tanpa mengabaikan pelaksanaan tanggungjawab masing-masing.

"Tuntutan Islam terhadap akhlak yang baik juga sering disuarakan oleh khatib dalam khutbah solat Jumaat menerusi pesanan agar umat Islam bertakwa kepada Allah.

"Adalah mustahil bagi manusia untuk memiliki moral yang baik tanpa kepercayaan mendalam terhadap Allah," katanya selepas merasmikan Forum Pelancongan Antarabangsa Kelantan '98 di sini, semalam.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan, Belia dan Sukan, Abdullah Yaakob; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Datuk Wan Mohamad Wan Konok; dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran), Datuk Nik Aznan Shah Nik Abdullah.

Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas, berkata beliau bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyebut masyarakat akan musnah jika menerapkan nilai tidak bermoral ketika mengejar kemajuan.

Beliau bagaimanapun tidak menyokong kenyataan Dr Mahathir yang tidak mengharapkan bakal penggantinya sebagai orang yang terlalu warak.

"Itu saya tidak setuju tetapi mungkin juga beliau sengaja nak perli sesetengah pihak," katanya.

Mengenai keperluan melantik Timbalan Perdana Menteri baru bagi menggantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat sebulan lalu, Nik Abdul Aziz berkata, ia adalah hak Dr Mahathir.

"Saya tidak mahu campur, itu urusan Perdana Menteri," katanya.

(END)